

ISI KANDUNGAN

- 01 ISI KANDUNGAN**
- 02 VISI, MISI, OBJKTIF & FUNGSI**
- 03 PENERANGAN MENGENAI LOGO**
- 04 LATAR BELAKANG**
- 05 PROFIL**
- 08 PERUTUSAN YB PENGERUSI**
- 09 LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
- 13 PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH**
- 14 PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**
- 15 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018**
- 16 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**
- 17 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**
- 18 PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**
- 19 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**



VISI, MISI, OBJEKTIF & FUNGSI



VISI

Menggalak dan menyokong pemartabatan kecemerlangan pengajian tinggi negara.



MISI

Menjadi sebuah organisasi yang kompeten dalam berperanan ke arah kecemerlangan pengajian tinggi.



OBJEKTIF

Menyokong dan membantu warganegara Malaysia untuk meneruskan pengajian tinggi di samping memperingati nama besar Almarhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Bapa Kemerdekaan, Perdana Menteri Malaysia pertama dan Bapa Malaysia terutama dikalangan generasi muda.



FUNGSI

Menyediakan kemudahan kewangan kepada warganegara Malaysia untuk meneruskan pengajian tinggi dengan menjalankan empat program pemberian utama iaitu :-

- Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR)
- Biasiswa Khas Yayasan Tunku Abdul Rahman (BKYTAR)
 - Bantuan Pelajaran Tunku Abdul Rahman (BPTAR)
 - Dermasiswa Tunku Abdul Rahman (DTAR)
- Pemberian Pengajian Tunku Abdul Rahman (PPTAR)



PENERANGAN MENGENAI LOGO

PENGENALAN

Logo Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) ini di salur galurkan daripada logo peribadi Almarhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman (Tunku) yang telah diubahsuai untuk kegunaan YTAR, atas perkenan Almarhum.



PENERANGAN

Kubah Masjid :

Melambangkan nilai-nilai murni yang didokong oleh agama Islam seperti kesucian, keikhlasan, kejujuran dan sebaginya.

Bunga Raya :

Bunga raya merupakan bunga kebangsaan Malaysia. Justeru, ia melambangkan bahawa YTAR adalah satu pertubuhan bersifat nasional bukan kenegerian atau berdasarkan etnik. Sumbangan YTAR harus merentasi semua warganegara Malaysia tanpa mengira latar belakang kaum atau agama.

Obor :

Obor melambangkan penyuluhan ke arah pencarian ilmu pengetahuan yang membolehkan seseorang itu menjadi insan yang berilmu, berketerampilan, berfikiran terbuka dan berakhhlak tinggi. Ini sejajar dengan fungsi YTAR memberi bantuan untuk pengajian tinggi.

Sphinx :

Pada satu ketika Tunku pernah memenangi satu peraduan kekeluargaan dan memenangi hadiah berupa hasil seni yang mempunyai gambar ‘sphinx’ yang diilhamkan oleh ayahanda Tunku, Sultan Abdul Hamid ketika menghadiri Pertabalan King George ke-V pada tahun 1911 di England. Sphinx ini juga terdapat pada logo sesetengah universiti di Britain. Ia melambangkan aspirasi YTAR menjadi sebuah pertubuhan yang kukuh, besar dan terkenal.

Warna Emas :

Ia melambangkan unsur di Raja yang berkaitan dengan asal-usul Tunku sebagai seorang putera raja.



LATAR BELAKANG

Cadangan menubuhkan Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) telah diusulkan dengan Allahyarham Tan Sri Mohd Khir Johari selaku penggerak utamanya bertujuan untuk memperingati jasa Almarhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Bapa Kemerdekaan; Perdana Menteri Malaysia yang pertama; dan juga Bapa Malaysia.

Maka sebagai mengambil sempena ulangtahun keputeraan Y.T.M. Tunku yang ke-63 pada 8 Februari 1966, Utusan Melayu telah melancarkan satu kutipan derma untuk menubuhkan satu Tabung Pendidikan Tunku Abdul Rahman dengan tujuan utamanya untuk membantu pelajar-pelajar Melayu di peringkat pengajian tinggi.

Pelancaran pungutan derma itu telah menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada semua pihak; ahli-ahli UMNO, Kerajaan-Kerajaan Negeri, syarikat-syarikat swasta, persatuan-persatuan dan juga individu-individu dari pelbagai keturunan.

Memandangkan bahawa yayasan sedemikian patut dijadikan satu institut nasional, atas persetujuan Y.T.M, YTAR diwujudkan melalui satu Akta Parlimen yang dipanggil Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman Bilangan 43, Tahun 1966. Dengan itu, persetujuan telah dicapai supaya peluang bantuan pelajaran dan biasiswa YTAR dibuka kepada semua pelajar Malaysia tanpa mengira keturunan kaum dan agama. YTAR dibenarkan menggunakan logo peribadi Y.T.M Tunku.

Pengerusi pertama YTAR, Y.B. Tan Sri Mohd Khir Johari telah dilantik atas nama peribadinya pada 1966. Pada 16 April 1974 Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Menteri Pelajaran Malaysia menjadi pengerusi YTAR atas nama jawatannya.



PROFIL



LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) di tadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah yang terdiri daripada :

- a) Menteri Pendidikan yang dilantik di atas nama jawatannya sebagai pengurus.
- b) Seorang wakil Kementerian Pendidikan
- c) Seorang wakil Perbendaharaan Malaysia
- d) Enam orang ahli yang dilantik oleh Menteri Pendidikan



AHLI-AHLLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

1. YB DR. MASZLEE BIN MALIK
Menteri Pendidikan Malaysia
Merangkap Pengurus (mulai 02 Julai 2018)
2. YB DATO' SERI IDRIS BIN JUSOH
Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia
Merangkap Pengurus (sehingga 09 Mei 2018)
3. YBHG. DATO' KAMEL BIN MOHAMAD
Wakil Kementerian Pendidikan
4. YBHG. ENCIK NOR MUHAMAD BIN CHE DAN @ CHE DIN
Wakil Perbendaharaan Malaysia
5. YBHG. DATO' DR. FREEZAILAH BIN CHE YEOM
6. YBHG. DATIN SRI SYARIFAH MENYALARA BINTI SYED HUSSEIN
(mulai 08 Oktober 2018)
7. YBHG. TUAN HJ. WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN
(mulai 08 Oktober 2018)



PROFIL (*Sambungan*)

8. YBHG. DATO' SERI KALIMULLAH BIN MASHEERUL HASSAN
(mulai 01 November 2018)
9. YBHG. ENCIK JOHAN ARIFFIN BIN ROZALI - WATHOOTH
(mulai 01 November 2018)
10. YBHG. ENCIK RAVINDRAN A/L DEVARATNAM
(sehingga 12 April 2018)
11. YBHG. TAN SRI DATO' SETIA PROF. EMERITUS DR. NAYAN BIN ARIFFIN
(sehingga 20 Jun 2018)
12. YBHG. TAN SRI HJ. AB. RASHID BIN AB. RAHMAN
(sehingga 20 Jun 2018)
13. YBHG. TAN SRI DATO' DR. SAK CHENG LUM
(sehingga 15 Oktober 2018)
14. YBHG. TUAN HJ. NIK HALIM BIN NIK DAUD
(sehingga 31 Oktober 2018)



PROFIL (*Sambungan*)

Juruaudit : Jabatan Audit Negara,
Aras 3, Lot 2G4, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Persekutuan,
62518 Putrajaya.

Peguambela &
Peguamcara : Tetuan Nazri Yahya & Co,
Block A, 16-4-1, Jalan 5/101C,
Cheras Business Centre, Cheras,
56100 Kuala Lumpur.

Bank : Bank Islam Malaysia Berhad,
Cawangan Putrajaya Anjung,
Blok E16, Parcel E, Presint 1,
62000 Putrajaya.

: Bank Islam Malaysia Berhad,
Cawangan KL Sentral, Tingkat Bawah.
Unit No. CS/3B/G, Block 3B, Plaza Sentral,
50474 Kuala Lumpur.

Pengurus Dana : CIMB-Principal Asset Management Berhad,
Level 5, Menara Milenium,
8, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

Pejabat Berdaftar : Yayasan Tunku Abdul Rahman,
A-10-10, Menara UOA Bangsar,
59000 Bangsar, Kuala Lumpur.

Telefon : 03-22836063 / 22836073
Faks : 03-22836052
Email : yayasantar@gmail.com
Laman Web : www.yayasantar.org.my



PERUTUSAN YB PENGERUSI

Bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

Ketidaktentuan pasaran global telah turut menjelaskan pendapatan YTAR dalam tahun 2018. Pendapatan YTAR bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM4,572,660 berbanding dengan RM5,630,112 pada tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 18.78% atau RM1,057,452.

Penurunan pendapatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh aktiviti pelaburan saham yang tidak mencatatkan sebarang keuntungan berbanding keuntungan sebanyak RM263,293 dan peningkatan nilai saham sebanyak RM838,663 diperoleh pada tahun 2017.

Keseluruhan perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah RM6,713,932 dengan sebanyak RM1,814,914 adalah perbelanjaan kerosotan nilai saham dan kerugian atas jualan saham. Setelah mengambil kira jumlah tersebut, perbelanjaan operasi YTAR bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM4,899,018 berbanding RM3,751,227 pada tahun 2017.

Peningkatan besar perbelanjaan operasi ini adalah kerana penambahan daripada 600 penerima pada tahun 2017 kepada 1,000 penerima bagi tahun ini untuk skim Bantuan Pelajaran Tunku Abdul Rahman dengan sebanyak RM2,992,500 telah dibelanjakan berbanding sebanyak RM1,784,658 bagi tahun 2017. Skim ini khusus untuk membantu para pelajar yang berlatarbelakangkan ekonomi rendah yang sedang mengikuti pengajian peringkat sarjana muda di setiap 20 Universiti Awam dengan kadar RM300 seorang sebulan untuk 10 bulan pengajian.

Bagi tahun 2018 pemberian-pemberian lain tajaan YTAR yang telah dibelanjakan adalah Biasiswa Tunku Abdul Rahman (RM248,899, 5 pelajar), Dermasiswa Tunku Abdul Rahman (RM16,145, 1 pelajar) Pemberian Pengajian Tunku Abdul Rahman (RM9,204, 1 pelajar) dan Biasiswa Khas Tunku Abdul Rahman (RM365,735, 37 pelajar).

Secara keseluruhannya YTAR telah membelanjakan sebanyak RM3,632,483 untuk kesemua pemberian YTAR bagi tahun 2018 berbanding sebanyak RM2,796,119 pada tahun sebelumnya.

Kesimpulannya Kumpulan Wang YTAR telah sedikit menurun kepada RM122,328,824 atau sebanyak 1.72% berbanding RM124,466,096 pada tahun 2017.

Penambahbaikan berterusan yang diambil YTAR dalam pemilihan pemberian, penjenamaan semula dan pemasaran menampakkan hasil yang membanggakan dalam objektif melahirkan generasi pemimpin muda yang cemerlang akademik, berkeperibadian dan berkebolehan tinggi dalam kepimpinan yang selari dengan Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman dan diharap akan menyumbang untuk pembangunan negara yang lebih gemilang.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli LPA atas sokongan yang diberi bagi membolehkan YTAR melaksanakan tanggungjawabnya kepada masyarakat dan negara dan seterusnya meningkatkan lagi martabat YTAR. Terima kasih kepada semua pihak sektor awam, swasta, masyarakat umum dan warga kerja YTAR yang telah memberi sokongan dan sumbangan yang membolehkan YTAR mencapai objektifnya.

YB Dr. Maszlee bin Malik



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
 MENGENAI PENYATA KEWANGAN
 YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 23.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* dan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 (Akta 389).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksana berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Yayasan Tunku Abdul Rahman dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (Sambungan)

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tunku Abdul Rahman bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pemegang Amanah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* dan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 (Akta 389). Lembaga Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman, Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Yayasan Tunku Abdul Rahman untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (Sambungan)

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Yayasan Tunku Abdul Rahman.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pemegang Amanah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pemegang Amanah, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Yayasan Tunku Abdul Rahman sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pemegang Amanah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (Sambungan)

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 (Akta 389), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pemegang Amanah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.


(ZIRAWATI BINTI KADIR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
24 JULAI 2019



4 / 4



Yayasan Tunku Abdul Rahman
LAPORAN TAHUNAN 2018



PENYATA PENGERUSI & SEORANG AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH


Kami, **DR. MASZLEE BIN MALIK** dan **NOR MUHAMAD BIN CHE DAN @ CHE DIN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pemegang Amanah YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pemegang Amanah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Yayasan Tunku Abdul Rahman pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,



DR. MASZLEE BIN MALIK
Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Tunku Abdul Rahman

Bagi Pihak Lembaga,



NOR MUHAMAD BIN CHE DAN @ CHE DIN
Ahli Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Tunku Abdul Rahman

Tarikh: **29** Mac 2019

Tempat: PUTRAJAYA



PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

Saya, JAMHARI BIN HASBULLAH, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan didalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya }
Diakui oleh penama di atas }
Di KUALA LUMPUR }
pada 04 Mac 2019 }

JAMHARI BIN HASBULLAH
Ketua Eksekutif

Di hadapan saya,



No. 10-1, Jalan Bangsar Utama 1,
Bangsar Utama,
59000 Kuala Lumpur.

Pesuruhjaya Sumpah



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	NOTA	2018 RM	2017 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji & Peralatan	4	16,591,608	16,686,867
Pelaburan	5	7,289,791	10,386,520
Pinjaman jangka panjang			
- Pinjaman pengajian	6	184,072	384,046
- Pinjaman kakitangan	7	35,753	43,278
Projek Tanaman Getah Sik	8	3,183,502	3,148,728
Jumlah Aset Bukan Semasa		27,284,726	# 30,649,439
ASET SEMASA			
Pinjaman Pengajian jangka pendek	6	168,910	290,618
Pinjaman Kakitangan jangka pendek	7	7,524	7,524
Pelbagai Penghutang dan Cagaran	9	1,243,656	1,277,051
Baki Di Bank dan Di Tangan	10	3,778,598	2,212,495
Simpanan Tetap	11	91,713,046	91,350,000
Inventori	12	50,950	50,950
Jumlah Aset Semasa		96,962,684	95,188,638
JUMLAH ASET		124,247,410	125,838,077
DIBIAYAI OLEH			
Kumpulan Wang		122,324,824	124,466,096
Jumlah Dibiayai Oleh		122,324,824	124,466,096
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pembiayaan Dan Bayaran Terakru	13	1,922,586	1,371,981
Jumlah Liabiliti Semasa		1,922,586	1,371,981
JUMLAH LIABILITI DAN DIBIAYAI OLEH		124,247,410	125,838,077

Nota :

*Penyata di atas perlu dibaca bersama-sama dengan
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan yang berkenaan pada muka surat 19 hingga 34.*

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	NOTA	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN			
Keuntungan simpanan tetap		4,092,353	4,030,466
Keuntungan atas jualan saham		-	263,293
Dividen pelaburan saham		333,829	353,406
Pendapatan lain	14	146,478	982,947
		4,572,660	5,630,112
PERBELANJAAN			
Emolumen	15	714,866	650,862
Perkhidmatan, Ikhtisas dan Hospitaliti	16	182,192	194,255
Pemberian	17	3,632,483	2,796,119
Susutnilai		98,909	97,871
Perbelanjaan Lain	18	2,085,482	12,120
		6,713,932	3,751,227
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai		(2,141,272)	1,878,885
Cukai	19	-	-
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Selepas Cukai		(2,141,272)	1,878,885
PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN			
Keuntungan daripada Penilaian Semula Hartanah, Loji dan Peralatan		-	-
(Kerugian)/Keuntungan tahun semasa		(2,141,272)	1,878,885

Nota :

*Penyata di atas perlu dibaca bersama-sama dengan
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan yang berkenaan pada muka surat 19 hingga 34.*



PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Kumpulan Wang RM	Rizab Penilaian Semula RM	Jumlah RM
Baki pada 01 Januari 2017	108,204,558	14,382,653	122,587,211
Keuntungan pada tahun semasa	1,878,885	-	1,878,885
Baki pada 31 Disember 2017	<u>110,083,443</u>	<u>14,382,653</u>	<u>124,466,096</u>
Kerugian pada tahun semasa	(2,141,272)		(2,141,272)
Baki pada 31 Disember 2018	<u><u>107,942,171</u></u>	<u><u>14,382,653</u></u>	<u><u>122,324,824</u></u>

Nota :

*Penyata di atas perlu dibaca bersama-sama dengan
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan yang berkenaan pada muka surat 19 hingga 34.*

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018 RM	2017 RM
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi :		
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan	(2,141,272)	1,878,885
Pelarasan Bagi :		
Susutnilai Aset	98,909	97,871
Rosotnilai Pelaburan	1,399,022	-
Pendapatan Pelaburan	(4,426,182)	(4,383,872)
Kurangan Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	(5,069,523)	(2,407,116)
Penambahan dalam Inventori	-	(34,901)
Pengurangan dalam Penghutang	329,208	217,029
Penambahan/(Pengurangan) dalam Pelbagai Penghutang	33,395	(9,903)
	362,603	172,225
Penambahan/(Pengurangan) dalam Pelbagai Pembiutang	550,604	(15,582)
	913,207	156,643
Tunai Hasil Daripada Operasi	(4,156,316)	(2,250,473)
Tunai Bersih Dibelanjakan Daripada Aktiviti-aktiviti Operasi	(4,156,316)	(2,250,473)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan :		
Pembelian Aset	(3,650)	-
Pelaburan	1,697,707	(1,229,334)
Projek Tanaman Getah Sik	(34,774)	(59,405)
Faedah Diterima	4,426,182	4,383,872
Tunai Bersih Dihasilkan Daripada Aktiviti-aktiviti Pelaburan	6,085,465	3,095,133
Peningkatan Tunai Bersih	1,929,149	844,660
Tunai Dan Penyamaan Tunai Pada Awal Tahun	3,562,495	2,717,835
Tunai Dan Penyamaan Tunai Pada Akhir Tahun	5,491,644	3,562,495
TUNAI DAN BAKI BANK :		
Simpanan tetap dan pelaburan jangka pendek	5,277,490	3,274,601
Tunai di bank	213,354	287,094
Tunai di tangan	800	800
	5,491,644	3,562,495



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Nota 1. PENUBUHAN DAN KEGIATAN UTAMA

Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) ditubuhkan pada 28 Julai 1966 di bawah Akta 389 Bil. 43 Tahun 1966 bertajuk Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman. Fungsi utamanya ialah untuk memberi bantuan pengajian dalam bentuk biasiswa dan pinjaman pelajaran kepada warganegara Malaysia.

Penyata Kewangan (Belum Diaudit) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 telah diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah pada 29 Mac 2019 melalui Kertas Edaran bertarikh 11 Januari 2019.

Nota 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan disediakan atas asas harga kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan dengan berpandukan kepada Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

b) Hartanah, loji dan peralatan

Perkakas dan perabot, peralatan pejabat dan komputer dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai mengikut kaedah garis lurus supaya kos setiap aset dimansuhkan sepanjang anggaran hayatnya.

Susut nilai diiktiraf di dalam akaun perolehan/penyata perolehan berdasarkan garis lurus di atas jangka hayat kegunaan peralatan.

Tanah milik bebas tidak disusut nilaikan. Tanah milik pajak dan peningkatan nilai tanah pegang pajak dilunaskan pada kadar yang sama sepanjang pajakan di antara 78 hingga 99 tahun manakala bangunan 50 tahun.

Tanah pegangan bebas dan bangunan dinyatakan pada nilai penilaian semula, iaitu nilai saksama pada tarikh dimilai semula, tolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul, jika ada. Tanah pegangan bebas dan bangunan akan dinilai semula pada jarak tempoh yang sesuai untuk memastikan jumlah dibawa tidak berbeza dengan nilai saksama pada tarikh kunci kira-kira.

Lebihan penilaian semula akan dikreditkan kepada ekuiti pemegang saham sebagai rizab penilaian semula dan sebarang defisit akan dicaj ke atas lebihan sedemikian setakat mana pengurangan mengimbangi sebarang peningkatan manakala bagi defisit akan dicaj kepada penyata pendapatan. Peningkatan penilaian semula diiktiraf sebagai pendapatan setakat mana ia membalikkan pengurangan penilaian semula daripada harta sama yang telah diiktiraf sebagai perbelanjaan. Pada persaraan atau pelupusan, lebihan penilaian semula akan dipindahkan secara langsung ke keuntungan tersimpan.

Kaedah susut nilai tahunan bagi tempoh semasa dan sebelumnya adalah seperti berikut :-

- | | |
|---|----------|
| i) Perabot dan lekapan | 10 Tahun |
| ii) Perkakas dan peralatan | 10 Tahun |
| iii) Komputer | 3 Tahun |
| iv) Bangunan | 50 Tahun |
| v) Ubahsuai pejabat | 10 Tahun |
| vi) Perolehan aset di bawah nilai RM1,000 tidak diistihar sebagai aset tetap. | |



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

c) Pelaburan

Pelaburan diiktiraf pada harga belian termasuk semua kos transaksi yang berkaitan. Lanjutan pengiktirafan harga belian:

- Pelaburan dalam saham siar harga semasa dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai pasaran berdasarkan portfolio agregat kategori pelaburan kecuali bila rosot nilai dianggarkan bukan sementara, peruntukan akan dibuat atas pelaburan tersebut.
- Peruntukan rosot nilai dikenakan terus ke penyata pendapatan komprehensif YTAR. Sebarang peningkatan di dalam nilai pasaran pelaburan tersiar harga diperlakukan sebagai kira pulih bagi elaun rosot nilai sehingga ke nilai kos asal yang telah ditentukan jika elaun rosot nilai tidak diambil kira.

d) Pinjaman Pengajian

Pinjaman pengajian dinyatakan pada nilai pokok setelah ditolak peruntukan pinjaman ragu. Peruntukan pinjaman ragu dibuat bagi pinjaman pengajian yang dikenal pasti ragu. Pinjaman yang tidak berjaya dikutip atau sebahagian pinjaman yang dikelaskan sebagai pinjaman ragu akan dihapus kira setelah diperakui oleh Lembaga. Merujuk kepada perkara (i) dan (ii) Perjanjian Pinjaman Pengajian YTAR.

- (i) bahawa beliau akan dalam tempoh empat (4) bulan selepas menamatkan kursus pengajiannya mula membuat bayaran balik kepada Lembaga dalam cara yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Perjanjian ini kesemua wang yang dibelanjakan untuknya oleh Lembaga bersama-sama caj pengurusan sebanyak empat (4) peratus setahun ke atas jumlah pokok mulai tarikh pengeluaran wang hingga tarikh penyelesaian penuh dan muktamad;
- (ii) bahawa sekiranya beliau gagal untuk membuat pembayaran balik ansuran-ansuran yang terakru kepada Lembaga dalam masa tujuh (7) hari daripada tarikh perlu bayar, beliau akan membayar faedah ke atas ansuran atau ansuran-ansuran yang belum dibayar pada kadar mudah lapan (8) peratus setahun dikira secara harian dari tarikh perlu bayar hingga pembayaran dibuat.
- (iii) Merujuk kepada Mesyuarat Lembaga Bil. 03/2012 telah bersetuju bahawa kadar caj pengurusan diturunkan daripada 4% kepada 1% dan caj penalti daripada 8% kepada 4%.

e) Pinjaman Kakitangan

Penghutang pinjaman kakitangan diukur pada nilai realisasi. Peruntukan akan dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kepada semakan semula semua jumlah tertunggak pada tarikh kunci kira-kira.

d) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi baki tunai dalam tangan dan bank, deposit jangka pendek serta pelaburan lain jangka pendek dan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak penting. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai dibentangkan bersih, selepas overdraf bank.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

e) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang terendah di antara harga kos dan nilai pasaran bersih. Inventori dinilai pada kos purata wajaran.

Nilai pasaran bersih adalah anggaran harga pasaran pada kegiatan perniagaan biasa ditolak kos penyempurnaan dan perbelanjaan jualan.

f) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila kemungkinan pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti.

(i) Pendapatan Caj Pengurusan Daripada Pinjaman Pengajian dan Kakitangan

Pendapatan caj pengurusan daripada pinjaman pengajian diambil kira setelah keseluruhan pinjaman pokok dilunaskan. Pendapatan caj pengurusan pinjaman kakitangan adalah dengan kadar tetap 4% daripada jumlah pinjaman pokok.

(ii) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang-pemegang saham untuk menerima bayaran telah dibuktikan.

(iii) Keuntungan Daripada Jualan Saham

Keuntungan daripada jualan saham yang diiktiraf adalah daripada kos terendah.

(iv) Keuntungan Daripada Simpanan Tetap

Keuntungan daripada simpanan tetap dinyatakan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif sebagai hasil berdasarkan pembahagian tempoh atas perakaunan.

i) Cukai Pendapatan

Kementerian Kewangan telah memberi YTAR pengecualian cukai pendapatan melalui surat bertarikh 21 September 2010.

j) Rosotnilai Aset

Kerugian rosot nilai aset diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai perbelanjaan secara serta merta, melainkan aset tersebut diambil kira pada jumlah nilaiaw semula.

k) Manfaat Pekerja

Jangka Pendek

Upah, gaji, bayaran bantuan sara hidup, kenaikan gaji tahunan dan bonus tahunan adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga. Manfaat ini diberikan sebagai penghargaan kepada kakitangan yang berkelayakan.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

Pelan Caruman Wajib

YTAR membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengikut kadar yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Sumbangan ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana kakitangan memberi perkhidmatan mereka.

Jangka Panjang

Kakitangan yang berkhidmat sehingga umur persaraan dan pada tahun persaraan tersebut telah berkhidmat sekurang-kurangnya dua puluh lima tahun layak diberi ganjaran persaraan tertakluk kepada rekod perkhidmatannya. YTAR belum memperuntukkan bayaran manfaat pekerja jangka panjang pada tahun semasa.

I) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan YTAR adalah bagi memastikan ianya mempunyai sumber-sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar.

Polisi YTAR bagi aktiviti yang berisiko kewangan adalah seperti berikut :-

(i) Risiko Pelaburan

Risiko pelaburan oleh YTAR adalah pergerakan pelaburan dalam harga pasaran seperti kadar faedah, harga ekuiti dan kemerosotan nilai unit saham. Risiko pelaburan dinilai dan dipantau pada asas yang telah ditetapkan dan semua pelaburan akan dinilai mengikut nilai pasaran. Analisis kepekaan dan ujian ketahanan akan dijalankan untuk menilai risiko yang akan dihadapi dan sebarang kemungkinan kerugian akan ditaksirkan mengikut nilai pasaran dalam menangani risiko pelaburan.

(ii) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

YTAR menguruskan aliran tunai bagi memastikan kesemua keperluan pembayaran dipenuhi. Di antara kaedah pengurusan kecairan yang diamalkan adalah untuk memastikan tahap tunai bagi memenuhi keperluan kecairan aliran tunai dari masa ke semasa.

(iii) Risiko Kredit

Risiko kredit YTAR kebanyakannya timbul daripada akaun-akaun belum terima. Akaun-akaun ini dipantau dari masa ke semasa melalui prosedur-prosedur pengurusan bagi memastikan YTAR hanya terdedah kepada risiko kredit yang minima dan tindakan akan diambil bagi hutang yang tertunggak.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

m) Instrumen Kewangan

(i) Pengiktirafan awal

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu entiti dan instrumen kewangan liabiliti atau ekuiti bagi entiti yang lain. Instrumen kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Yayasan telah menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan permulaan, semua instrumen kewangan diiktiraf pada harga transaksi, termasuk kos urus niaga jika instrumen kewangan tersebut tidak diukur pada nilai saksama melalui penyata untung atau rugi. Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui penyata untung atau rugi, kos urusniaga dicajkan kepada penyata untung atau rugi apabila ia berlaku. Bagi instrumen kewangan yang membentuk transaksi pembiayaan, instrumen kewangan itu diukur pada nilai terkini seperti pembayaran masa akan datang yang didiskaunkan pada kadar pasaran bagi faedah untuk instrumen hutang yang sama.

(ii) Pengukuran berikutnya

Keuntungan dan kerugian

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif:

- a) pulangan kepada pemegang adalah tetap atau boleh ditentukan;
- b) tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan
- c) pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tiada syarat, dan pelaburan dalam saham tidak boleh tukar dan saham keutamaan yang tiada syarat boleh diukur pada kos tolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan yang tidak dinilai pada kos yang dilunaskan atau kos tolak rosot nilai akan dinilai pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

Kemerosotan aset kewangan.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui penyata untung atau rugi, semua aset kewangan lain adalah tertakluk kepada semakan rosot nilai.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, YTAR akan memeriksa sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah menunjukkan satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan negatif ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata untung atau rugi apabila ia berlaku.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

Kerugian rosotnilai bagi instrumen yang diukur pada kos yang dilunaskan dinilai daripada perbezaan di antara amaun aset yang dibawa dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset. Jumlah aset yang dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Kerugian kemerosotan berkaitan dengan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dinyatakan pada kos tolak rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun aset kewangan yang dibawa dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima oleh entiti bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Jika, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosotnilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian rosot nilai dibalikkan, sehingga ke tahap di mana amaun aset yang dibawa tidak melebihi amaun dibawa jika penjejasan nilai tidak diiktiraf pada tarikh penjejasan nilai diterbalikkan. Amaun pembalikan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

(iii) Penyahiktirafan instrumen kewangan

Aset kewangan dinyahiktirafkan apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Yayasan telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan apabila ia dipadamkan, iaitu apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Satu pengubahsuai yang besar dalam tempoh liabiliti kewangan yang sedia ada dianggap sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baru. Sebarang perbezaan di antara nilai liabiliti kewangan yang dibawa dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan cukup dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang ditanggung, diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

n) Kemerosotan nilai aset bukan kewangan

Jumlah dibawa bagi aset bukan kewangan (tidak termasuk inventori, aset cukai tertunda, harta tanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama dan aset biologi) akan dikaji semula pada setiap akhir tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda kemerosotan nilai. Sekiranya terdapat sebarang petunjuk sedemikian, amaun yang boleh diperoleh semula aset tersebut akan dianggarkan.

Bagi tujuan pengujian kemerosotan nilai, aset dikumpulkan bersama-sama ke dalam kumpulan terkecil aset yang menghasilkan aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya tidak bergantung kepada aliran masuk tunai aset lain atau unit penjanaan tunai.

Amaun boleh pulih daripada aset atau unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai yang digunakan dan nilai saksama tolak kos untuk dijual. Dalam menaksir nilai yang digunakan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai semasa mereka menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset atau unit penjanaan tunai.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sekiranya amaun dibawa aset atau unit penjanaan tunai melebihi amaun anggaran yang boleh diperolehi semula.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali ia memterbalikkan semula penilaian semula sebelumnya di mana ia akan dicaj dalam lebihan penilaian semula. Kerugian kemerosotan berhubung muhibah tidak diterbalikkan. Kerugian kemerosotan lain yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu dinilai pada setiap akhir tempoh pelaporan untuk sebarang tanda bahawa kerugian telah menurun atau tidak lagi wujud. Kerugian kemerosotan diterbalikkan jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun yang dapat diperolehi semula sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf.

Kerugian kemerosotan diterbalikkan setakat amaun dibawa aset yang akan ditentukan, selepas susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian rosotnilai telah diiktiraf. Pembalikan kerugian rosot nilai dikreditkan ke untung atau rugi melainkan jika ia memterbalikkan kerugian rosotnilai ke atas aset yang dinilai semula di mana ia dibawa ke rizab penilaian semula pada tahun kewangan di mana pembalikan diiktiraf.

(o) Peruntukan bagi liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila YTAR mempunyai kewajipan semasa akibat peristiwa lalu dan kemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajiban tersebut, dan anggaran yang boleh dipercayai dari jumlah tersebut boleh dibuat. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Jika kesan nilai masa wang adalah material, amaun peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan.

Nota 3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

Penyediaan penyata kewangan memerlukan Lembaga membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan dan pendedahan aset luarjangka dan liabiliti, di mana berkenaan. Di samping itu, Lembaga juga perlu membuat pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan. Walaupun anggaran dan andaian ini berdasarkan kepada pengetahuan terbaik Lembaga peristiwa-peristiwa dan tindakan, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh Lembaga dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah dalam keadaan. Anggaran dan pertimbangan yang memberi kesan kepada aplikasi polisi-polisi perakaunan kepada YTAR dan pendedahan, dan mempunyai risiko yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada penyata kewangan adalah seperti berikut:

(a) Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos hartaanah, loji dan peralatan disusut nilai atas dasar garisan lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam tahap penggunaan yang dijangka boleh memberi kesan kepada jangka hayat ekonomi dan nilai baki aset tersebut, maka caj susut nilai masa depan boleh disemak semula.

YTAR menjangkakan bahawa nilai baki hartaanah, loji dan peralatan mereka akan menjadi tidak begitu ketara. Hasilnya, nilai sisa tidak diambil kira bagi pengiraan amaun susut nilai.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

(b) Cukai Pendapatan

Terdapat sesetengah urus niaga dan pengiraan yang mana penetapan cukai muktamad mungkin berbeza daripada anggaran awal. YTAR mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan anggaran sama ada cukai tersebut akan menjadi kena dibayar operasi perjalanan biasa perniagaan dan kefahamannya terhadap undang-undang cukai semasa. Sekiranya kesudahan perkara-perkara ini berbeza daripada jumlah awal yang telah diiktiraf, perbezaan tersebut akan memberi kesan cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda pada tempoh di mana penentuan tersebut dibuat.

(c) Rosotnilai aset bukan kewangan

Apabila amaun boleh pulih aset ditentukan berdasarkan anggaran nilai dalam kegunaan bagi setiap unit janaan tunai yang mana aset diagihkan, pihak pengurusan adalah diperlukan untuk membuat anggaran aliran tunai masa depan dijangka daripada unit janaan tunai dan juga untuk menggunakan kadar diskaun yang sesuai untuk menentukan nilai kini aliran tunai tersebut.

(d) Rosotnilai dagangan dan lain-lain terimaan

Kerugian rosotnilai diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan adalah terjejas. Pengurusan khusus aset-aset kewangannya pinjaman dan belum terima ulasan dan analisis sejarah hutang lapuk, pelanggan, pelanggan kredit, arah-aliran ekonomi semasa dan perubahan dalam pembayaran syarat apabila membuat pertimbangan untuk menilai kecukupan dalam elauan kerugian rosot nilai. Sekiranya terdapat bukti objektif rosotnilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan pengalaman kerugian bagi aset dengan ciri risiko kredit yang serupa. Jika jangkaan berbeza dari anggaran, perbezaan ini akan memberi kesan kepada nilai dibawa belum terima.

(e) Anggaran nilai saksama bagi aset kewangan dan liabiliti tertentu

YTAR merekodkan sesetengah aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama, yang memerlukan penggunaan anggaran perakaunan dan pertimbangan yang luas. Manakala komponen penting pengukuran nilai saksama ditentukan menggunakan bukti objektif yang boleh disahkan, jumlah perubahan dalam nilai saksama adalah berbeza jika YTAR menggunakan kaedah penilaian

penilaian yang berbeza. Sebarang perubahan dalam nilai saksama aset dan liabiliti tersebut akan menjaskan untung dan/atau ekuiti.

(f) Turun nilai bagi inventori

Ulasan dibuat secara berkala oleh pihak pengurusan mengenai inventori yang rosak, usang dan bergerak perlahan. Ulasan ini memerlukan pertimbangan dan anggaran. Kemungkinan perubahan dalam anggaran ini boleh menyebabkan semakan semula terhadap penilaian inventori.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

Nota 4. HARTANAH, LOJI & PERALATAN

Tanah Pegangan Bebas	Bangunan Lengkapan	Perabot Peralatan	Perkakas Peralatan	Ubahsuai Pejabat	Komputer	Jumlah
Kos	Kos	Kos	Kos	Kos	Kos	Kos
RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 01 Januari 2018	3,569,901	53,363	52,120	170,052	32,576	17,378,012
Tambahan	-	-	-	-	3,650	3,650
Pada 31 Disember 2018	3,569,901	53,363	52,120	170,052	36,226	17,381,662
 SUSUTNILAI TERKUMPUL						
Pada 01 Januari 2018	-	448,976	40,255	42,309	127,539	32,066
Susutnilai Tahun Semasa	-	71,398	5,237	3,553	17,005	1,716
Pada 31 Disember 2018	-	520,374	45,492	45,862	144,544	33,782
 NILAI YANG DIBAWA						
Pada 31 Disember 2018	13,500,000	3,049,527	7,871	6,258	25,508	2,444
						16,591,608



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

Nota 4. HARTANAH, LOJI & PERALATAN (SAMBUNGAN)

Tanah Pegangan Bebas	Bangunan Lengkapan	Perabot Peralatan	Perkkas Peralatan	Ubahsuai Pejabat	Komputer	Jumlah
Kos	Kos	Kos	Kos	Kos	Kos	Kos
RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2017 /						
31 Disember 2017	13,500,000	3,569,901	53,363	52,120	170,052	32,576
						17,378,012
<hr/>						
SUSUTNILAI TERKUMPUL						
Pada 01 Januari 2017	-	377,578	35,019	38,577	110,534	31,566
Susutnilai Tahun Semasa	-	71,398	5,236	3,732	17,005	500
Pada 31 Disember 2017	-	448,976	40,255	42,309	127,539	32,066
						691,145
<hr/>						
NILAI YANG DIBAWA						
Pada 31 Disember 2017	13,500,000	3,120,925	13,108	9,811	42,513	510
						16,686,867



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

Nota 5. PELABURAN

Saham tersiar harga diuruskan oleh :

CIMB Principal Asset
Management Bhd
RM

Kos sejarah

Pada 01 Januari 2018	10,438,454
Belian	9,972,944
Jualan	(11,670,651)
Rosotnilai Pelaburan	(1,450,956)
Pada 31 Disember 2018	<u><u>7,289,791</u></u>

NILAI BUKU BERSIH

pada 31 Disember 2018 7,289,791

Pada harga pasaran

7,289,791

Kos sejarah

Pada 01 Januari 2017	10,047,783
Belian	14,061,152
Jualan	(13,670,481)
Rosotnilai Pelaburan	(51,934)
Pada 31 Disember 2017	<u><u>10,386,520</u></u>

NILAI BUKU BERSIH

pada 31 Disember 2017 10,386,520

Pada harga pasaran

10,386,520

2018

RM

2017

RM

Rosotnilai pelaburan pada 1 Januari	51,934	890,597
Rosotnilai pelaburan semasa (Nota 18)	1,399,022	-
Penambahan rosotnilai saham (Nota 14)	-	(838,663)
Rosotnilai pelaburan pada 31 Disember	<u><u>1,450,956</u></u>	<u><u>51,934</u></u>



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

Nota 6. PINJAMAN PENGAJIAN

	2018 RM	2017 RM
Baki pada 1 Januari	855,483	1,072,333
Pinjaman dikeluarkan	-	-
Tolak :		
i. Bayaran balik pinjaman	(270,783)	(353,584)
ii. Caj pengurusan diterima	95,867	113,430
iii. Yuran guaman diperolehi semula	11,374	23,304
	691,941	855,483
Peruntukan hutang ragu	(373,659)	(183,719)
Hutang ragu diperoleh semula	34,700	2,900
Baki pada 31 Disember	352,982	674,664
Bayaran balik dijangka dalam masa 12 bulan	168,910	290,618
Bayaran balik dijangka selepas 12 bulan	184,072	384,046
	352,982	674,664

Nota 7. PINJAMAN KAKITANGAN

- Bayaran balik dijangka dalam masa 12 bulan
- Bayaran balik dijangka selepas 12 bulan

	2018 RM	2017 RM
	7,524	7,524
	35,753	43,278
	43,277	50,802

Nota 8. PROJEK TANAMAN GETAH SIK

Baki pada 1 Januari	3,148,728	3,089,323
Modal dikeluarkan dalam tahun	34,774	59,405
Nilai semasa	3,183,502	3,148,728

Hasil dari aktiviti pengeluaran

Nilai pembawa

	2018 RM	2017 RM
	-	-
	3,183,502	3,148,728

Perbelanjaan pembangunan dan berkaitan yang telah dibelanjakan oleh YTAR dan RPSB adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Baki pada 1 Januari	3,148,728	3,089,323
Perbelanjaan oleh YTAR	34,774	59,405
Perbelanjaan oleh RPSB	-	-
Baki pada 31 Disember	3,183,502	3,148,728

Projek tanaman getah diatas tanah YTAR di Sik, Kedah telah diusahakan secara perjanjian usahasama dengan Risda Plantation Sdn. Bhd (RPSB) sebagai pihak yang bertanggungjawab membangun, menanam dan memasarkan hasil getah. Tempoh matang pokok getah adalah 5 tahun dan dijangka mula mengeluarkan hasil pada tahun ke-6.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

Nota 9. PELBAGAI PENGHUTANG DAN CAGARAN

	2018 RM	2017 RM
Sewaan bangunan YTAR	-	41,724
Cagaran utiliti	16,599	16,599
Cukai akan dikembalikan	86,962	86,962
Keuntungan simpanan tetap terakru	1,135,517	1,127,102
Prabayar	4,578	4,664
	<u>1,243,656</u>	<u>1,277,051</u>

Nota 10. BAKI DI BANK DAN DITANGAN

	2018 RM	2017 RM
Tunai di bank	213,354	287,094
Tunai di tangan	800	800
Pelaburan jangka pendek (CIMB-PAM)	3,564,444	1,924,601
	<u>3,778,598</u>	<u>2,212,495</u>

Nota 11. SIMPANAN TETAP

	2018 RM	2017 RM
Simpanan tetap jangka pendek	1,713,046	1,350,000
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	70,000,000	70,000,000
Bank Simpanan Nasional	20,000,000	20,000,000
	<u>91,713,046</u>	<u>91,350,000</u>

Purata kadar faedah yang diterima 2018 : 4.5% (2017 : 4.5%)

Nota 12. INVENTORI

	2018 RM	2017 RM
Kos:		
Pingat Emas	34,890	34,890
Pingat Perak	11,060	11,060
Pingat Gangsa	5,000	5,000
	<u>50,950</u>	<u>50,950</u>

Nota 13. PELBAGAI PEMIUTANG DAN BAYARAN TERAKRU

	2018 RM	2017 RM
Pelbagai pemiutang dan bayaran terakru	55,576	52,725
Perbelanjaan projek tanaman getah Sik terakru	248,031	248,031
Peruntukan yuran pengurusan cukai	2,200	2,300
Peruntukan yuran audit	5,700	5,700
Akruan dan peruntukan	1,611,079	1,063,225
	<u>1,922,586</u>	<u>1,371,981</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

Nota 14. PENDAPATAN LAIN

Pecahan pendapatan lain adalah seperti berikut :

Caj pengurusan pinjaman perumahan kakitangan	3,040
Caj pengurusan pinjaman pengajian	95,867
Yuran guaman diperolehi semula	11,374
Pelbagai pendapatan am	1,484
Sumbangan derma	13
Pinjaman ragu diperolehi semula	34,700
Penambahan rosot nilai saham (Nota 4)	-
	146,478

	2018	2017
	RM	RM
Caj pengurusan pinjaman perumahan kakitangan	3,040	3,040
Caj pengurusan pinjaman pengajian	95,867	113,430
Yuran guaman diperolehi semula	11,374	23,304
Pelbagai pendapatan am	1,484	1,610
Sumbangan derma	13	-
Pinjaman ragu diperolehi semula	34,700	2,900
Penambahan rosot nilai saham (Nota 4)	-	838,663
	146,478	982,947

Nota 15. EMOLUMEN

Gaji, bonus dan lain - lain elauan	577,278
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	78,426
Pertubuhan Keselamatan Sosial	2,534
Sistem Insuran Pekerjaan	228
Elaun kemudahan kenderaan	56,400

	2018	2017
	RM	RM
Gaji, bonus dan lain - lain elauan	577,278	522,703
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	78,426	69,380
Pertubuhan Keselamatan Sosial	2,534	2,379
Sistem Insuran Pekerjaan	228	-
Elaun kemudahan kenderaan	56,400	56,400
	714,866	650,862

Nota 16. PERKHIDMATAN, IKHTISAS DAN HOSPITALITI

Perbelanjaan untuk Perkhidmatan, Ikhtisas, dan Hospitaliti adalah merangkumi perbelanjaan seperti berikut:

	2018	2017
	RM	RM
Caj dan komisen bank	1,128	1,001
Cukai tanah & Cukai am	8,160	8,160
Elaun mesyuarat ahli lembaga	7,000	3,500
Insurans & Takaful	4,250	6,649
Latihan / Kursus / Seminar	1,295	(901)
Penyenggaraan pejabat & utiliti	43,182	46,046
Penyenggaraan alatan pejabat dan ICT	3,451	9,496
Perbelanjaan perjalanan	1,880	1,366
Percetakan dan alat tulis	9,423	10,783
Rawatan perubatan	1,570	1,820
Setem dan belanja pos	1,335	1,488
Surat khabar dan penerbitan	577	733
Telefon, faks dan jalur lebar	5,565	5,783
Yuran pengurusan cukai	2,100	2,500
Yuran audit	5,370	5,370
Yuran guaman	13,639	17,759
Yuran perakaunan	18,000	18,000
Yuran pengurus dana	54,267	54,702
	182,192	194,255



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

Nota 17. PEMBERIAN

	2018 RM	2017 RM
BIASISWA TUNKU ABDUL RAHMAN		
Elaun - elaun	112,622	266,120
Kem Aktiviti Pengkayaan	-	39,828
Pemilihan Penerima	109,772	101,147
Pingat Tunku	-	45,468
Yuran Pengajian	23,807	114,144
Seminar Pilihan Pelajar	2,698	7,643
	248,899	574,350
DERMASISWA TUNKU ABDUL RAHMAN		
Elaun - elauan	14,050	82,493
Yuran Pengajian	2,095	56,210
	16,145	138,703
PEMBERIAN PENGAJIAN TUNKU ABDUL RAHMAN		
Elaun - elauan	6,350	70,574
Yuran Pengajian	2,854	7,291
	9,204	77,865
BANTUAN PELAJARAN TUNKU ABDUL RAHMAN		
Penerima BPTAR	2,992,500	1,784,658
	2,992,500	1,784,658
BIASISWA KHAS YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN		
Elaun - elauan	273,024	108,600
Yuran Pengajian	92,711	111,943
	365,735	220,543
	3,632,483	2,796,119

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (Sambungan)

Nota 18. PERBELANJAAN LAIN

Pecahan perbelanjaan lain adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Pelbagai perbelanjaan am	4,204	1,923
Kerosotan nilai pelaburan (Nota 4)	1,399,022	-
Hapuskira pinjaman pengajian	224,640	10,197
Hapuskira pelbagai penghutang	41,724	-
Keuntungan atas jualan saham	415,892	-
	2,085,482	12,120

Nota 19. CUKAI

Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 21 September 2010 telah bersetuju untuk mengecualikan cukai pendapatan YTAR

Nota 20. INSTRUMEN KEWANGAN

Kategori Instrumen Kewangan

Jadual dibawah adalah analisis instrumen kewangan yang di kategorikan seperti berikut:

1. Aset kewangan dan laibiliti kewangan dikira pada nilai saksama melalui untung dan rugi ("FVTPL"); dan
2. Aset kewangan dan liabiliti kewangan dikira pada kos perlunasan (AC).

	Amaun pembawa RM	FVTPL RM	AC RM
	2018	2017	2018
Aset kewangan			
Pelaburan	7,289,791	7,289,791	-
Pinjaman jangka pendek	176,434	-	176,434
Pinjaman jangka panjang	219,825	-	219,825
Pelbagai Penghutang dan Cagaran	1,243,656	-	1,243,656
Baki Di Bank dan Di Tangan	3,778,598	-	3,778,598
Simpanan Tetap	91,713,046	-	91,713,046
	104,421,350	7,289,791	97,131,559

Liabiliti Kewangan

Pelbagai Pembiutang dan bayaran terakru	1,922,586	-	1,922,586
---	-----------	---	-----------

2017

Aset kewangan

Pelaburan	10,386,520	10,386,520	-
Pinjaman jangka pendek	298,142	-	298,142
Pinjaman jangka panjang	427,324	-	427,324
Pelbagai Penghutang dan Cagaran	1,277,051	-	1,277,051
Baki Di Bank dan Di Tangan	2,212,495	-	2,212,495
Simpanan Tetap	91,350,000	-	91,350,000
	105,951,532	10,386,520	95,565,012

Liabiliti Kewangan

Pelbagai Pembiutang dan bayaran terakru	1,371,981	-	1,371,981
---	-----------	---	-----------



